

CNS4503

U GB 01-02 00204 BA178

aab

Mahathir - Raja

KERAJAAN SUDAH BERJAYA HENTIKAN JENAYAH, PEMBAZIRAN, ISTANA

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, matlamat kerajaan untuk menghentikan kegiatan jenayah dan pembaziran di kalangan golongan istana telah berjaya dicapai melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menghadkan imuniti raja-raja.

Serentak dengan itu Perdana Menteri menyangkal anggapan bahawa Malaysia sedang dilanda krisis Perlembagaan ekoran pindaan yang telahpun diluluskan oleh Parlimen tetapi masih menanti perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Ada banyak orang kata ada krisis Perlembagaan di Malaysia...tak ada krisis. Dah selesai dah," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Dasar Pertanian Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dan disambut dengan tepukan gemuruh oleh lebih 5,000 hadirin.

Dr Mahathir berkata : "Apa yang kita hendak ialah tidak ada lagi jenayah-jenayah seperti dahulu. Ini dah tak ada dah. Tak berani lagi.

"Pembaziran-pembaziran (di kalangan istana), Menteri Besar sudah berani...Kalau dulu minta, kita bagi, minta lagi, kita bagi. kini tidak bagi dah. Itu yang kita hendak," katanya.

"Macam mana tak berjaya, dah berjaya dah," kata Dr Mahathir, dalam ucapannya yang berkisar kepada saranan agar rakyat Malaysia khususnya bangsa Melayu, mengubah sikap untuk maju. -- Lagi

†01/02/17-40MST

CNS4507

U GB 01-02 00137 BA179

aab

Mahathir-Raja 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata kerajaan bersedia menghadapi apa jua rintangan bagi membela nasib rakyat.

Menurut beliau, berlakunya kegiatan jenayah dan pembaziran di kalangan istana pada masa lalu adalah kesalahan kerajaan.

"Dulu salah kita juga, dia (raja) buat salah kita senyap, dia buat lagi, makin lama makin teruk," katanya.

Perdana Menteri menyarankan supaya golongan istana mengubah sikap supaya sesuai dengan kehendak zaman ini.

"Kita (rakyat) kena tukar (sikap), yang di atas pun tukar juga," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai adat Melayu yang tidak boleh derhaka pada raja.

"Sekarang ini adat Melayu pantang derhaka...ada masa-masanya kadang-kadang kena juga sikit.

"Kita tidak boleh kekal cara lama, kita patut terima cara baru. Semua orang patut tukar sikap," katanya. -- Lagi

▼01/02/17-44MST

CNS4512

U GB 01-02 00104 BA180

aab

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Katanya, semua rakyat perlu mengubah sikap supaya sesuai dengan kehendak masa bagi memastikan negara ini terus maju dan mempunyai daya saing.

Sambil menegaskan lagi bahawa tidak berlaku sebarang krisis Perlembagaan dalam perkara ini, Dr Mahathir berkata apa yang berlaku hanyalah "perubahan".

Bagi mengikuti perubahan zaman, adat yang tidak sesuai termasuk yang bertentangan dengan agama perlu diubah, kata Dr Mahathir.

"Bukan kita hendak buang institusi raja. Kita sanggup kekalkan tetapi dengan cara baru. Pertanian pun cara baru,+ katanya merujuk kepada dasar pertanian yang beliau lancarkan. -- Lagi

▼01/02/17-49MST.

CNS4543

U GB 01-02 00137 BA186

aab

Mahathir - Raja 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak tergesa-gesa bagi merujuk balik pindaan itu ke Parlimen walaupun Perlembagaan menetapkan satu "tempoh yang munasabah" bagi Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan.

"Kita tidak tergesa-gesa. Bagi kita, matlamat kerajaan sudah tercapai," katanya.

Kerajaan, kata Dr Mahathir, sanggup tunggu sehingga dua bulan bagi Yang di-Pertuan Agong memberikan perkenannya kepada rang undang-undang semasa ia dipersembahkan kali pertama kepada Seri Paduka.

(Mengikut Perlembagaan, sekiranya Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan rang undang-undang itu, ia akan dibawa kembali ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan sekali lagi, dan selepas itu akan diserahkan kembali kepadanya untuk mendapat perkenan. Ia akan menjadi undang-undang dalam masa 30 hari, walaupun Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankannya.)

-- Bernama

▼01/02/18-38MST